

**KEPUTUSAN PERSIDANGAN  
JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN TAHUN 1992**

**1. TUJUAN**

Kertas ini dibuat adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berkenaan dengan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) mengenai hukum-hukum agama dan isu-isu semasa yang telah dibuat dalam persidangannya untuk mendapatkan kebenaran Majlis mewartakan fatwa tersebut dalam Warta Kerajaan.

**2. LATARBELAKANG**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diwujudkan dari tahun 60an lagi. Dalam jangka masa tersebut Jawatankuasa ini telah banyak menjalankan aktiviti- aktivitinya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya khususnya di Negeri Selangor ini.

2.2. Jawatankuasa ini berbincang dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan di samping mengeluarkan keputusan-keputusan fatwa hasil dari pertanyaan orang ramai.

2.3. Maka hasil perbincangan, jawatankuasa ini telah banyak membuat keputusan bagi menjawab persoalan tersebut.

2.4. Di dalam kertas ini mengandungi keputusan-keputusan mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang telah dibuat dalam tahun 1991 untuk dimaklumkan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor dan mendapatkan kebenaran untuk mewartakan dalam Warta Kerajaan.

**3. AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) adalah dipilih daripada mereka yang mempunyai ketokohan serta mempunyai pengetahuan agama yang luas. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang dinyatakan di bawah adalah ahli jawatankuasa bagi tahun 1991. Ahli-ahli jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

- |  |                      |
|--|----------------------|
| 1. SS Dato' Haji Ishak bin Baharom<br>Dato' Seri Utama Diraja<br>Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan.  | - Pengerusi          |
| 2. Tuan Haji Jamauddin bin Omar<br>Timbalan Mufti Negeri Selangor                                    | - Timbalan Pengerusi |
| 3. YB Tuan penasihat Undang-Undang   | - Ahli               |
| 4. Prof Madya Hj. Hashim bin Yahya<br>Pensyarah Fakulti Syariah,<br>Akademi Islam. Universiti Malaya | - Ahli               |
| 5. Tuan Hj. Hassan bin Hj. Ahmad<br>Pensyarah Fakulti Syariah,<br>Akademi Islam, Universiti Malaya   | - Ahli               |
| 6. Tuan Hj. Jaafar bin Hj. Noh<br>Penceramah bebas   | - Ahli               |
| 7. Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Yusuf<br>Imam Masjid Negeri Selangor                                       | - Ahli               |
| 6. Tuan Hj. Ahmad Dahlan bin Hj. Abd. Manan<br>Penceramah bebas                                      | - Ahli               |

### **Setiausaha/Urusetia**

Mulai tahun 1985, Urusetia bagi Jawatankuasa ini diletakkan di bawah bidang tugas Bahagian Penyelidikan, maka Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan akan menjadi Setiausaha bagi Jawatankuasa ini. Mereka yang pernah menjawat jawatan setiausaha adalah seperti berikut :

1. Tuan Haji Turmudi bin Surif
2. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Abdul Rashid
3. Tuan Haji Khairuddin bin Haji Abdul Samad
4. Tuan Haji Aluwi bin Parman.

4. **KEPUTUSAN-KEPUI'USAN YANG TELAH DIBUAT**

**TAHUN 1992**

1. Pindaan Pada Kriteria Imkani Rukyah Di Malaysia
2. Cadangan Untuk mendaftarkan pertubuhan darul Husna Imamiyah (Mazhab Syiah)
3. Fatwa Resolusi bengkel Zakat Negeri Selangor mengenai zakat gaji dan pendapatan
4. Fatwa mengenai zakat komoditi utama seperti Kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas dan lain-lain.
5. Hukum menghisap rokok

5. **CADANGAN**

Keputusan-keputusan Fatwa ini dikemukakan kepada mesyuarat Majlis Agama Islam untuk makluman dan memohon kebenaran mewartakan keputusan ini dalam warta Kerajaan.

Sekian. terima kasih.

Disediakan oleh,  
Bahagian Penyelidikan,  
Urusetia  
Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa)  
Negeri Selangor Darul Ehsan

**TAHUN 1992**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Mukasurat</b>
1.	Pindaan Pada Kriteria Imkani Rukyah Di Malaysia	6
2.	Cadangan Untuk mendaftarkan pertubuhan darul Husna Imamiyah (Mazhab Syiah)	11
3.	Fatwa Resolusi bengkel Zakat Negeri Selangor mengenai zakat gaji dan pendapatan	16
4.	Fatwa mengenai zakat komoditi utama seperti Kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas dan lain-lain.	17
5.	Hukum menghisap rokok	18

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
PINDAAN PADA KRITERIA IMKANI RUKYAH DI MALAYSIA**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Pada 23 Noverber 1990, Jawatankuasa Menetapkan Awal Puasa Dan Hari Raya telah mengambil keputusan supaya syarat ketetapan hilal boleh dilihat (Imkaninur-Rukyah) yang menjadi dasar Majlis Raja-raja di Negeri ini dikaji semula.

Kertas kerja cadangan bagi membuat pindaan kepada kreteria Imkani Rukyah ini telah pun dibentangkan ke dalam mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor pada 4 Jun 1992 dan membuat keputusan supaya kertas kerja cadangan ini dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Selangor.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dimulai dengan pembentangan kertas kerja yang telah disampaikan oleh Ustaz Mat Adnan bin Mat Daud daripada Pusat Islam.

**1. LATARBELAKANG**

Sejak kebelakangan ini, berbagai pihak dari segenap lapisan telah menyuarakan pandangan mereka supaya penetapan awal Ramadhan dan Syawal diselaraskan antara negara-negara di Asean. Berikutan daripada itu, berbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh negara-negara Asean untuk tujuan penyelarasan hari-hari ibadat tersebut.

Pada masa ini penentuan awal Puasa dan hari Raya seluruh dunia adalah berdasarkan tiga amalan :

1. Kaedah rukyah semata-mata seperti yang diamalkan oleh negara Arab dan Brunei. (sebelum 1411H).
2. Kaedah Hisab Falak diamalkan oleh Amerika Syarikat, Australia dan Singapura. (sebelum 1411H)
3. Kaedah Rukyah dan Hisab diamalkan oleh Malaysia dan Indonesia.

## 2. Rukyah Di Malaysia dan Masalahnya

Sebelum tahun 1390/11 (1970M) Malaysia telah menggunakan kaedah Rukyah untuk menentukan Ramadhan dan Syawal.

Pada tahun 1970 sehingga 1977 ( 1390-1397 ) Malaysia mengamalkan kaedah Hisab dan pada tahun 1977 setelah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bersidang, ia bertukar semula kepada kaedah rukyah.

Disebabkan perubahan-perubahan berlaku, maka beberapa kajian mengenai anak bulan telah mula dilakukan. Hasil dari kajian dan persetujuan Muktamar Hilal di Istanbul pada 1979. Malaysia menggunakan kaedah rukyah dan hisab bagi menentukan Hari-hari Ibadat hinggalah ke hari ini.

### 3. Kaedah Rukyah Di Malaysia

- 3.1. Penentuan awal Ramadhan dan Syawal adalah berdasarkan rukyah dan hisab.
- 3.2. Sekiranya Hilal tidak kelihatan kerana cuaca (awal terlindung seclangkan mengikut Hisab Falak anak bulan itu boleh di Rukyah.
- 3.3. Anak bulan dikira ada dan boleh dirukyah (Imkanur Rukyah) jika ia memenuhi syarat-syarat
  1. Hilal berada setinggi 5.5 darjah di ufuk barat ketika terbenamnya matahari dan
  2. Jarak lengkung antara bulan dan matahari tidak kurang 7.5 darjah atau
  3. Masa berlaku ijmak hilal hendaklah tidak kurang daripada 8 jam sebelum ghurubnya matahari.

### 4. MASALAH-MASALAH TIDAK KELIHATAN ANAK BULAN (HILAL) DI MALAYSIA

- 4.1. Keadaan cuaca (awal tebal)
- 4.2. Berjerebu.
- 4.3. Awan Mendung.
- 4.4. Kabus (pantai timur. Malaysia timur)
- 4.5. Awan dipenuhi wap.

## **5. PINDAAN KRITERIA IMKANI RUKYAH DI MALAYSIA**

- 5.1. Jawatankuasa Awal Puasa Dan Hari Raya telah mengambil keputusan untuk meminda kriteria Imkani Rukyah yang diamalkan sebelum ini kepada kriteria yang baru iaitu

"Hilal boleh dianggap kelihatan apabila kiraan (hisab) memenuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut :

1. Ketika matahari terbenam ketinggian bulan (hilal) tidak kurang daripada 2 darjah dan jarak lengkung keduanya tidak kurang dari 3 darjah.
  2. Ketika bulan terbenam umurnya tidak kurang daripada 8 jam selepas waktu ijtima' berlaku.
- 5.2. Bagi melaksanakan cadangan perubahan ini, pihak berkuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri diminta memberi persetujuan mengenai pindaan tersebut sebelum dibawa ke mesyuarat majlis Raja-raja.

## **2.2. KEPUTUSAN**

Setelah dibincangkan dengan panjang lebar bahawa semua ahli mesyuarat telah bersetuju meminda Kriteria Imkani Rukyah yang diamalkan sebelum ianya dipinda kepada kriteria yang baru iaitu Hilal boleh dianggap kelihatan apabila kiraan (hisab) memenuhi salah satu daripada berikut :

1. Ketika matahari terbenam ketinggian bulan (hilal) tidak kurang daripada 2 darjah dan jarak lengkung keduanya tidak kurang daripada 3 darjah.
2. Ketika bulan terbenam umurnya tidak kurang daripada 8 jam selepas waktu Ijtima' berlaku.

Keputusan ini telah dibuat oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syara' dalam persidangannya yang lepas iaitu pada 16 Julai 1992 bersamaan 15 Muharram 1413 Hijrah bertempat di Bilik Gerakan Jabatan Agama Islam Selangor.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
CADANGAN UNTUK MENDAFTARKAN  
PERTUBUHAN DARUL HUSNA IMAMIAH (MAZHAB SYIAH)**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Pihak Jabatan Agama Islam Selangor telah menerima surat daripada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Selangor/Wilayah Persekutuan yang dipanjangkan oleh Ketua Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontijen Selangor Shah Alam bagi mendapatkan pandangan agama untuk mendaftarkan persatuan tersebut.

Oleh kerana perkara ini berkaitan dengan amalan serta fahaman Mazhab mungkin berbeza dengan amalan majoriti masyarakat Islam di negara ini, maka ia dipanjangkan ke Bahagian Fatwa untuk membuat keputusan.

Jawatankuasa pada hari ini telah membincangkan perkara ini berdasarkan kepada tujuan-tujuan persatuan tersebut ditubuhkan dan amalan mazhab Syiah di negeri ini.

**Antara Tujuan-tujuannya ialah**

" Pertubuhan Darul Husna " selepas ini disebut "Jemaah " 1.

Tujuan jemaah ini adalah untuk memperkenalkan dan mengamalkan agama Islam menurut Mazhab Ahli Bait (Keluarga Nabi S.A.W. ) juga dengan nama Mazhab Syiah Imamiyah,

Tujuan seterusnya ialah untuk memberi bantuan moral dan material kepada ahli –ahli jemaah dan kaum muslimin seluruhnya, segala kegiatan jemaah tidak akan keluar dari batas undang-undang dan tidak akan bercanggah dengan perlembagaan Malaysia.

2. Tujuan-tujuan lain adalah seperti berikut, tetapi ia tidak semestinya dilaksanakan atau hanya dijalankan jika kelulusan oleh Jawatankuasa yang mempunyai kuasa :

2.1. Menggalakkan dan mengamalkan agama Islam menurut Mazhab Syiah dikalangan penduduk Malaysia.

- 2.2. Memperluaskan pengetahuan Islam menurut Mazhab Syiah untuk menghapuskan kekeliruan tentang Mazhab ini dan juga mendekatkan perbezaan di antara mazhab-mazhab Islam di Malaysia.
- 2.3. Untuk menubuhkan dan menjaga Masjid-masjid dan tempat tempat amal ibadah yang lain.
- 2.4. Mengadakan dan mengatur kerja-kerja agama Islam dan istiadat khususnya upacara nikah.
- 2.5. Mengadakan pelajaran agama di dalam prinsip-prinsip kepercayaan Islam seperti diajar oleh Imamiyah.
- 2.6. Membayar atau membantu pembayaran perbelanjaan kematian muslim, yang di dalam keadaan kafir.
- 2.7. Menubuhkan mengambil ahli menjaga. mewariskan atau sebaliknya membantu menubuhkan pelajaran agama di mana agama Islam yang diajar mengikut prinsip. disusun oleh Imamiyah asalkan maksud pertubuhan yang sedemikian adalah khususnya untuk amalan Jabariah.
- 2.8. Menerima derma-derma bagi maksud promosi dan tujuan-tujuan jemaah.
- 2.9. Mengeluarkan risalah untuk derma dan laporan berkala mengenai kerja jemaah.
- 2.10. Dan membuat segala gerakan mengikut undang-undang sebagai penambahan pencapaian maksud Jemaah.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

## **2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

- 2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

" Setelah dibincangkan daripada tujuan-tujuan tersebut, ia didapati adalah bertentangan dengan majoriti dasar dan matlamat Jabatan dan mengikut Enakmen Jabatan Agama Islam Selangor, antaranya :

1. Mengamalkan Mazhab Syiah di kalangan penduduk Malaysia
2. Dalam tujuan yang kedua (2.3) bertentangan dengan Enakmen Pentadbiran perundangan Islam Selangor 1989 Seksyen 56 - 65
3. Dalam tujuan yang kedua (2.4) bertentangan dengan Undang-undang Keluarga Islam 1984 mengenai perkahwinan.
4. Dalam tujuan yang kedua (2.5) bertentangan dengan pelajaran Agama Islam Selangor pada masa ini yang berdasarkan kepada Mazhab Syafie, tetapi mereka akan menerapkan pengajaran mengikut pemahaman Syiah Imamiyah.

Berdasarkan kepada sebab-sebab yang disebutkan di atas mesyuarat mengambil keputusan tidak bersetuju persatuan tersebut didaftarkan. Walau bagaimana pun, sebelum jawapan diberikan kepada pihak Pejabat Pendaftar Pertubuhan, ia hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada Majlis Agama Islam Selangor "

Keputusan ini dibuat dalam persidangannya yang dibuat pada 12 September 1992 bersamaan 15 Rabiul Awal 1413

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
RESOLUSI BENGKEL ZAKAT NEGERI SELANGOR  
MENGENAI ZAKAT GAJI/PENDAPATAN**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Mesyuarat dimaklumkan bahawa resolusi bengkel zakat ini telah diadakan pada 30 November 1991 yang lalu oleh Bahagian Baitul Mal/ Zakat JAIS, antara rumusan yang dibuat dalam bengkel tersebut ialah mengenai zakat gaji/ pendapatan. Bagi menetapkan samada wajib atau tidak bagi seseorang itu mengeluarkan zakatnya apabila cukup syarat-syaratnya. Bagi menentukan ia dipersetujui supaya Jawatankuasa Fatwa membuat keputusan.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli-ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) yang hadir telah membincangkan perkara tersebut dan mengambil keputusan seperti berikut :

" Bahawa pendapatan gaji bulanan (kakitangan Kerajaan) atau pendapatan bebas yang diperolehi oleh seseorang melalui pekerjaannya dengan orang lain atau majikan atau bekerja sendiri seperti Doktor perubatan, Arkitek, Peguam Perunding, Pemaju Perumahan dan sebagainya adalah tidak wajib dikeluarkan zakat ".

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 12 September 1992 bersamaan 15 Rabiul Awal 1413.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
ZAKAT KOMODITI UTAMA SEPERTI :  
KELAPA, KELAPA SAWIT, GETAH, LADA HITAM, NENAS DAN LAIN-LAIN**

**1 . TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' telah diajukan dengan satu persoalan berkenaan dengan Zakat komoditi Utama seperti Kelapa, Kelapa Sawit, Getah, lada Hitam Nenas dan lain-lain.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut :

"Bahawa komoditi utama seperti kelapa, kelapa sawit, getah, lada hitam, nenas dan lain-lain adalah tidak diwajibkan zakat kerana tidak ada nas dan dalil-dalil yang mewajibkan hasil-hasil tersebut dikeluarkan zakat. "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 26 Rabiul Akhir 1413 bersamaan 22 Oktober 1992.

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA.' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
HUKUM MENGHISAP ROKOK**

**1 . TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk mengkaji semula fatwa hukum menghisap yang telah dibuat dalam tahun 1987.

Hukum-hukum tersebut adalah melibatkan persoalan :

- 1.1. Hukum menghisap rokok
- 1.2. Hukum menghisap rokok di dalam Masjid
- 1.3. Hukum menghisap rokok semasa membaca Al-Quran
- 1.4. Hukum menghisap rokok yang boleh mendatangkan mudarat

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah bersidang untuk mengambil keputusan berkenaan hukum perkara di atas.

Persidangan ini telah dibuat pada 13.10.1992.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara tersebut di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam serta berpandukantaklimat yang oleh Dr. Khairuddin berkenaan rokok.

2.2. Maka Jawatankuasa perunding Hukum Syara' telah membuat keputusan seperti berikut :

**2. 2. 1. " HUKUM MENGHISAP ROKOK "**

Hukum menghisap rokok adalah MAKRUH mengikut Mazhab kita Syafieah,

Tersebut dalam kitab "Yasalunaka Fiddin Wal Hayah"

– دفتور احمد الشربا صي – م س (٩٧) •  
« اذا كان الفقهاء قد اختلفوا في حكم شرب الدخان ، فقال  
قوم باباحته ، لان الاصل في الاشياء الاباحه ، وقال قوم  
بكراهته لخبته ، وقال قوم بتحريمه لضرره ، فان اقل ما يقال  
فيه هو انه سبب لاضاعة المال فيما لا فائدة فيه ، وان تعاطيه –  
فوق هذا – يسبب للقم رائحة كريهة ، ولذلك جاء في مذهب  
الشافعية ان تعاطى الدخان مكروه لما فيه من رائحة كريهة  
يتأذى بها الناس ، والانسان في المسجد يختلط عادة  
بالناس ويدنو منهم •

Maksudnya :

Apabila adalah ulama' fikah bersalah-salahan pendapat mengenai hukum menghisap rokok, maka kata setengah ulama' hukumnya harus, kerana mengikut kaedah: asal pada segala perkara hukumnya harus, kata setengah ulama' hukumnya makruh kerana cemarnya dan kata setengah ulama' pula hukumnya haram kerana bahayanya, maka sekurang-kurang alasan mereka iaitu menghisap rokok adalah merupakan pembaziran harta pada perkara yang tidak ada faedah.

Dan bahawasanya menghisap rokok, selain daripada alasan-alasan yang tersebut tadi, menyebabkan busuk bau mulut dan dari kerana itulah datang dalam mazhab Syafie bahawa menghisap rokok hukumnya Makruh, kerana pada rokok terbit bau busuk yang boleh dibenci oleh orang lain, sedangkan di masjid orang ramai bercampur gaul dan duduk berhimpit-himpit lazimnya.

### 2.2.2. " HUKUM MENGHISAP ROKOK DI DALAM MASJID "

Hukum menghisap rokok di dalam masjid adalah HARAM Hukum ini dibuktikan dengan Nasnya iaitu :

نصن : - " وقد روى الامام البخارى عن جابر بن عبد  
الله رضى الله عنهما ، ان رسول الله (ص) قال : من اكل بصلا  
او ثوما او كراثا فلا يقربن مسجدنا ، فان الملائكة تناء ذى  
مما يتاء ذى منه بنوادم " وقد قاس الفقهاء الدخان  
على هذه الاشياء الكريهة الرائحة ، لوجود العلة فيه  
• كوجودها في هذه الاشياء •

Maksudnya :

Dan sesungguhnya telah meriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Jabir bin Abdullah R.A. bahawasanya Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Barang siapa makan bawang merah atau bawang putih atau kucai. Maka janganlah ia menghampiri masjid kami, kerana bahawasannya malaikat merasa benci dengan apa yang dibenci, oleh manusia, dan sesungguhnya ulama' fikah telah mengqiaskan rokok dengan benda-benda yang berbau busuk ini, kerana ada persamaan elah (sebab) pada benda-benda yang tersebut ini.

### 2. 2 . 3 . " HUKUM MENGHISAP ROKOK SEMASA MEMBACA AL-QURAN "

Hukumnya adalah HARAM. Hukum ini diputuskan dengan berlandaskan nasnya seperti berikut :

وقد يكون من المناسب ان تذكر عبارة زاجرة قالها الشيخ  
الشبراوى نقلا عن شيخه السجاعي في شرب الدخان عند  
قراءة القران وهي : الذى ندين الله عليه هو حرمة  
شرب الدخان في مجلس القران ، ولا وجه للقول  
• بالكراهة •

(يسئلونك فى الدين والحياة ، دكتور احمد  
الشرباصى ٩٨) •

Ertinya :

Dan sesungguhnya adalah munasabah bahawa kita menyebutkan kata-kata شَيْخُ الْإِسْلَامِ yang mengandungi amaran yang telah diperkatakan oleh yang diambil daripada gurunya السجاسي mengenai menghisap rokok duduk membaca Al-Quran, iaitu sikap kita di dalam memuliakan dan membesarkan Allah, maka iaitu haram menghisap rokok dalam majlis Al-Quram dan tidak ada wajah bagi kaul mengatakan makruh.

#### 2.2.4. "HUKUM MENGHISAP ROKOK YANG BOLEH MENDATANGKAN MUDHARAT "

Hukumnya adalah HARAM : hukum ini diputuskan berdasarkan beberapa nas-nas yang dinyatakan di bawah iaitu :

Firman Allah Taala :

وما أصابكم من مصيبة فبما كسبت أيديكم  
(الشورى : ٣٠)

Ertinya :

Dan setiap keburukan yang menimpa kamu itu ialah dibuat oleh tangan kamu sendiri.

Firman Allah Taala :

ولا تلقوا بأيديكم إلى التهلكة  
(البقرة : ١٩٥)

Maksudnya :

Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Prof Dr. Ahmad Shaalibi dalam bukunya bertajuk :

"Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam" ada menyebutkan" mengenai peringkat HARAM bagi seseorang itu merokok. Beliau dalam pandangannya memetik pendapat Sheikh Mahmud sebagai berkata Ulama-ulama ada mengharamkannya dan ada yang memakruhkannya disebabkan ia boleh mengganggu kesihatan penghisapannya makan dan mendedahkan anggota jasmani kepada kerosakan.

Prof Dr. Ahmad Shalibi menyebutkan juga pandangan bekas Mufti Mesir yang menyatakan "Menurut pandangan hukum : andainya terdapat bahaya, samada banyak atau sedikit dari penghisapan apa sahaja. umpamanya boleh merosakkan perasaan dan menghilangkan wang dengan sia-sia, maka hukumnya berpindah daripada halal kepada makruh atau haram menurut qadar bahaya dan tempohnya "

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 22 Oktober 1992 bersamaan 26 Rabiul Akhir 1413.